

Sukan

SILAT

Sasaran tersasar, tapi pesilat muda raih pengalaman berharga

Sheik Alau'ddin:
Pesilat perlu tingkat
kekuatan mental

► HAKIM YUSOF
hakimy@sph.com.sg

BERBANDING kutipan pingat di Myanmar dua tahun lalu, pesilat nasional telah menunjukkan peningkatan prestasi kali ini.

Di akhir acara pencak silat Sukan Asia Tenggara (SEA) ke-28, ia mengutip lapan pingat – termasuk pingat emas tunggal yang dimenangi Muhammad Nur Alfian Juma'en dalam Kelas F (70-75 kg) semalam – satu perak dan dua gangsa pula diraih daripada acara seni.

Dalam 2013, pasukan silat negara hanya memungut tiga pingat – satu emas dan dua gangsa.

Namun, kecuali Nur Alfian yang berjaya mempertahankan pingat emas yang dimenangnya dua tahun lalu, pencapaian pesilat nasional menghampakan berbanding pertunjukan cemerlang di Kejohanan Pencak Silat SEA April lalu.

Dalam kejohanan tersebut, pesilat negara mengutip 19 pingat – tujuh emas, dua perak dan 10 gangsa – bagi mengecapi keputusan terbaik dalam sejarah di pertandingan serantau itu.



Namun di Sukan SEA, hanya Nur Alfian wakil tunggal ke final, dengan empat pesilat tumbang di separuh akhir, memusnah harapan memenangi dua emas.

Walau akur berasa kecewa, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheikh Alau'ddin Yacoo Marican

berkata beliau tetap berbangga dan berharap anak didiknya meningkatkan prestasi di masa depan.

"Masalah timbul apabila mereka gagal mengekalkan kekentalan mental masing-masing di pertandingan besar seperti ini," kata Sheikh Alau'ddin.

Walau diharap memenangi emas,

pemegang biasiswa Spex, Muhammad Iqbal Abdul Rahman, hanya memenangi gangsa dalam acara tunggal putera.

Mungkin, 'nasib' memainkan peranan bagi keputusan hambar dalam acara tanding.

Kapten pasukan dan salah seorang harapan emas, Muhammad Sha-

PEMENANG

PINGAT: (Barisan depan, dari kiri) Nurul Suhaila, Nur Fazlin, Muhammad Nur Alfian, Nurul Khairunnisa, Nur Shafiq. (Barisan belakang, dari kiri) Muhammad Iqbal, Sheik Ferdous, Sheik Farhan Sheik dan Muhammad Shakir Juanda. – Foto TUKIMAN WARJI



Sukan SEA 2015 • PUNGUTAN PINGAT				
	EMAS	PERAK	GANGSA	JUMLAH
Thailand	86	82	64	232
Singapura	81	72	97	250
Vietnam	72	50	56	178
Malaysia	58	50	65	173
Indonesia	27	35	64	126
Filipina	11	24	30	65
Myanmar	1	5	8	14
Kemboja	0	4	21	25
Laos	0	1	1	2
Timor Leste	0	0	6	6

kir Juanda, terpaksa menarik diri dari acara itu di saat akhir kerana kecederaan lutut.

Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin pula tumpas kepada juara dunia, Mohd Al Jufferi Jamari, dari Malaysia di separuh akhir dengan Al Jufferi memenangi pingat emas Kelas E (65-70 kg) semalam.

Nurul Suhaila Mohamed Saiful, juga ditewaskan di separuh akhir ditangan juara dunia dari seberang Tambak, Siti Rahmah Mohamed Nasir, yang memenangi pingat emas semalam.

Sekurang-kurangnya, masa depan silat Singapura tampak cerah kerana kebanyakan pesilat yang dihantar ke Sukan SEA kali ini berusia bawah 21 tahun.

Masa masih menyebelahi pesilat seperti Suhaila dan Ferdous, kedudanya 19 tahun, yang masih menuntut dan mampu mempertingkatkan prestasi.

Pesilat yang tumpas di pusingan awal – Irham Mustafa Kamal, Muhammad Haziq Mohamad Yusli dan Abdul Raziq Abdul Rashin – juga masih berusia belasan tahun.

Vietnam – yang memenangi 10 pingat – tiga emas, lima perak dan dua gangsa – muncul sebagai pasukan paling berkalung pingat di akhir acara silat lima hari ini.

Singapura berada di tempat kelima, di belakang Indonesia yang memenangi dua emas, tiga perak dan lima gangsa.